

Bukan Melayu wajar pelajari silat

13 FEB 1990

PETALING JAYA, Isnin — Raja Muda Selangor, Tengku Idris Shah menyarankan masyarakat bukan Melayu mempelajari seni silat supaya kegiatan itu tidak hanya terhad kepada satu kaum saja.

Baginda bertitah, pertubuhan silat hendaklah mempelawa anggota masyarakat berbilang kaum yang berminat, mempelajari kesenian itu agar silat terus berkembang dan popular sendang dengan sukan rakyat lain.

B. Madan (M)
"Ahli jawatankuasa Persatuan Seni Silat Selangor perlu bekerja kuat untuk memajukan seni ini. Pemimpin juga hendaklah mempunyai kesefahaman dan kejujuran supaya persatuan bergiat aktif," titah baginda ketika merasmikan Kejuaraan Silat Kebangsaan di sini, hari ini.

Seramai 276 pesilat dari 12 negeri dan tiga pertubuhan, iaitu Pertubuhan Pancak Malaysia, Pertubuhan Silat Gayong Petani Malaysia dan Pertubuhan Seni Silat Lincak, mengambil bahagian dalam pertandingan



SEBAHAGIAN peserta dalam kejohanan silat kebangsaan, semalam.



RAJA MUDA Selangor (kiri) diperkenalkan kepada ketua pasukan silat negeri-negeri yang mengambil bahagian.

yang berlangsung dari 9 hingga 16 Februari ini.

Kejuaraan itu dibahagikan kepada 15 kategori, iaitu 10 bahagian lelaki dan lima wanita. Ia juga untuk memilih wakil negara ke Pesta Sukan Brunei kali kedua, Mac ini.

Raja Muda juga mahu pertumbuhan seni silat negeri mengembangkan permainan itu sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Seni silat kini diterima oleh masyarakat antarabangsa dan jika didedahkan secara meluas ia dapat mengharumkan nega-

ra ini," titahnya.

Baginda bertitah, silat kini bukan setakat sukan untuk memenuhi masa lapang dan menyihatkan badan, tetapi juga dapat mendidik seseorang berhemah tinggi, berdisiplin dan menghormati kawan atau lawannya.

"Selain itu, seni silat juga dapat mendidik seseorang patuh kepada pemimpin. Jika ia diamalkan, akan lahirlah satu masyarakat remaja yang berhemah tinggi di masa depan," titahnya.

Sebelum itu, Presiden Perse-

kutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud, berkata silat kini berkembang di 23 negara dan ia menjadi satu permainan yang diminati oleh penduduknya.

"Di United Kingdom saja, ada tujuh gelanggang silat yang dikendalikan oleh seorang jurulatih dari negara ini," katanya.

Beliau berkata, kejuaraan itu bertujuan menghidupkan semula seni silat, di samping menggalakkan pembabitan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.